



ثجابه فريندهاران نكري ترغكانو

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman,
20592 Kuala Terengganu.

Tel : 09-623 1957 Faks : 09-623 7949 (Perb. Tr), 09-626 7948 (Bend. Tr)
E-mel : perbendaharaan@terengganu.gov.my



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 5426

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: MY-AR 5426

PERB.TR.U/73/03/01/4 . ()
Bertarikh : 27 Mac 2014
Bersamaan : 25 Jqawal 1435H

Semua Ketua Jabatan/
Pusat Tanggungjawab
Negeri Terengganu

DatoqTuan/Puan,

PENAIKTARAFAN PUBLIC KEY INFRASTRUCTURE (PKI) KEPADA DIGITAL TOKEN (2048-BIT)

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bersama-sama dengan Pihak Berkuasa Pemerakuan iaitu Digidcert Sdn. Bhd. (Digidcert) sedang dalam proses melaksanakan kerja-kerja penaiktarafan aplikasi Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) bagi menyokong penggunaan sijil digital dengan kekunci akar (root key) 2048-bit berdasarkan piawaian yang ditetapkan oleh Institut Standard & Teknologi Negara (NIST), NIST SP 800-57 Terbitan Khas.

3. Oleh yang demikian, selaras dengan proses penaiktarafan tersebut, pihak Digidcert telah menghentikan **pengeluaran smart card dan akan diganti dengan Digital Token (2048-BIT) bagi semua permohonan baru atau pembaharuan (renew).**

4. Walau bagaimanapun, smart card yang telah dikeluarkan masih boleh digunakan sehingga tamat tempoh kad tersebut tetapi dengan syarat komputer yang menggunakan aplikasi PKI hendaklah **dipasang dengan perisian Nexus Personal.** Pengguna boleh memuat turun perisian tersebut di Portal Perbendaharaan Negeri pada menu Muat Turun → SPEKS → Aplikasi → PKIq bersama dengan panduan pemasangan perisian tersebut. Sukacita dimaklumkan bahawa Perlaksanaan Public Key Infrastructure (PKI) 2048-BIT bagi SPEKS akan bermula pada **6hb. April 2014.**

5. Sehubungan dengan itu, bagi semua permohonan baru dan pembaharuan (renew), pengguna hendaklah membuat pilihan token pada borang permohonan tersebut. Borang permohonan dan sebutharga boleh dimuat turun di Portal Perbendaharaan pada menu Muat Turun → Borang-Borang Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu bersama-sama dengan salinan Kad Pengenalan dan Pesanan Tempatan untuk tujuan penyelarasan. Sebarang kemusykilan, sila hubungi :-

- i) En. Abd Aziz bin Chik - 6259
- ii) Pn. Fatimah binti Mohamad Ali - 6260
- iii) Pn. Khazimah binti Min - 6268

6. Kerjasama Dato/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“ MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN ”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,



(NOR BAIZURA BINTI ISHAK)

Penolong Bendahari Negeri
b.p: Pegawai Kewangan Negeri
Terengganu.

s.k. Fail timbul